



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	24/11/2018	MUKA SURAT : 16
JABATAN	:	JPS	
0140KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

'Buat kajian hidraulik projek di pantai'

➔ **Pastikan pembangunan tidak jejas hidupan seperti penyu, penduduk sekitar**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my
Kuala Lumpur

Sebarang pembangunan di kawasan pesisir pantai perlu dimulakan dengan kajian hidraulik terlebih dahulu untuk memastikan tiada implikasi besar terhadap alam sekitar setempat termasuk habitat hidupan liar atau dilindungi.

Kajian itu perlu dalam usaha menjaga dan memastikan morfologi alam di sekitar kawasan pantai berkenaan tidak berubah, sekali gus tidak memberi kesan besar bukan sahaja kepada penduduk setempat, malah hidupan seperti penyu.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Dr Ir Md Nasir Md Noh, berkata kajian hidraulik penting bagi menentukan situasi sebenar di kawasan pantai dan mampu mengelakkan sebarang impak selepas pembangunan.

Pembangunan bakal ubah morfologi asal

"Setiap pembangunan di kawasan pantai bakal mengubah morfologi asal kawasan itu dan tidak mustahil turut memberi kesan terhadap infrastruktur yang mahu dibangunkan.

"Namun ia mampu dicegah dengan pelaksanaan kajian terlebih dahulu terhadap semua aspek seperti pusingan pasir, ancaman mendapan lumpur serta habitat haiwan.

"Laporan Awal Kajian Penilaian Alam Sekitar (ELA) perlu dititikberatkan oleh kerajaan negeri kerana bakal menentukan perubahan alam sekitar di kawasan yang mahu dibangunkan," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan BH semalam mengenai lebih 80 habitat penyu mendarat di Sabah, Sarawak, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak



Kajian hidraulik penting bagi menentukan situasi sebenar di kawasan pantai dan mampu mengelakkan sebarang impak selepas pembangunan"

Md Nasir Md Noh,
Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

dan Pulau Pinang, dikenal pasti terancam oleh Jabatan Pertahanan susulan pembangunan kawasan pesisir pantai yang giat dilaksanakan khususnya untuk sektor pelancongan.

Selain itu, aktiviti korek pasir di muara sungai juga berisiko menghalang kehadiran penyu kerana mendedahkan lokasi pendaratan hidupan berkenaan kepada haksan pantai.

Kerja korek pasir

Md Nasir berkata, kerja mengorek pasir di tepi pantai juga sebenarnya tidak boleh dilaksanakan, namun ada pihak yang dilaporkan tetap melakukan kerja sedemikian.

"Sepatutnya kerja mengorek pasir dilakukan di tengah laut dan bukannya di pantai.

"Aktiviti itu akan mengubah morfologi pantai kerana pasir dikorek tidak akan terganti berikutan sumbernya sudah tiada dan akan menyebabkan kawasan itu berlumpur.

"Ia juga akan mendedahkan lokasi berhampiran kepada haksan," katanya sambil menambah, JPS hanya membantu dan memberi pandangan dari sudut teknikal dalam kajian ELA, manakala kelulusan pula di bawah kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS).



Keratan akhbar
BH semalam.